

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 MARCH 2017

# Bersatu tangani krisis - Najib

UM- 11/3/2017

Oleh SYUKRI SHAARI  
pengarang@utusan.com.my

## ■ KUALA LUMPUR 10 MAC


**D**ATUK Seri Najib Tun Razak menegaskan ketegangan diplomatik dengan Korea Utara bukanlah krisis antara-bangsa pertama dihadapi negara, sebaliknya Malaysia sebelum ini pernah berhadapan beberapa saat getir membabitkan kuasa asing.

Perdana Menteri berkata, krisis seperti MH370, MH17 dan pencerobohan pengganas di Lahad Datu, Sabah telah membuktikan Malaysia berpengalaman dalam menangani isu berkaitan kuasa asing yang rumit.

Berikutan itu, beliau meminta rakyat termasuklah pemimpin kerajaan dan pembangkang supaya bersatu memberikan sokongan penuh terhadap segala usaha yang sedang dijalankan bagi menyelesaikan permasalahan itu.

“Sekiranya kita bersatu-padu ketika menghadapi sebarang masalah atau ancaman, musuh dari luar tidak akan mampu meruntuhkan segala yang kita bina selama ini.

“Insya-Allah, kita diberi hidayah dan petunjuk Allah yang Maha Kuasa sekali lagi untuk mengembalikan rakyat Malaysia di Korea Utara dengan selamat dan merungkai segala persoalan mengenai pembunuhan yang berlaku di tanah air kita ini,” katanya menerusi rakaman audio di laman blog [najibrzak.com](http://najibrzak.com) hari ini.



**NAJIB TUN RAZAK** serta jemaah mengaminkan doa yang dibaca oleh Imam Besar, Datuk Abd. Manaf Mat selepas menunaikan solat hajat memohon kesejahteraan negara di Masjid Putra, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

Ketegangan diplomatik antara Malaysia dan Korea Utara tercecut berikutan kes pembunuhan abang kepada pemimpin tertinggi negara itu, Kim Jong-nam yang berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) pada 13 Februari lalu.

Ketegangan Malaysia dalam mengendalikan kes tersebut menyaksikan Duta Korea Utara, Kang Chol diisytihar sebagai *Persona Non Grata* dan diusir keluar dari negara ini berikutan kenya-

taan biadabnya terhadap proses siasatan yang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Korea Utara mengambil tindakan balas dengan bukan sahaja mengusir Duta Malaysia, tetapi lebih drastik apabila tidak membenarkan rakyat Malaysia keluar dari negara itu.

Sebagai membalas tindakan Korea Utara itu, Malaysia juga mengeluarkan arahan serupa terhadap rakyat negara itu yang berada di sini.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri menjelaskan, Malaysia sentiasa menjaga hubungan baik dengan semua negara.

“Bagaimanapun ini tidak bermakna sesiapa dalam kalangan mereka boleh menyalahgunakan segala layanan baik yang telah diberikan selama ini dengan melanggar undang-undang negara kita atau melakukan sesuka hati tanpa menghormati Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat,” tegas beliau.